



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 3 Januari 2024

### **MILO Bekerjasama dengan Kementerian Belia & Sukan Untuk Memberi Latihan Kemahiran Air Asas Kepada Kanak-Kanak B40**

*Jurulatih RNJ Academy Tawarkan Kelas Berenang Sukarela Menerusi Program KLAS Renang*

**PETALING JAYA, 3 JANUARI 2024** – Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyokong masyarakat B40, MILO® telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan air dan juga kemahiran berenang asas dalam kalangan kanak-kanak menerusi Program KLAS Renang.

Dimulakan sebagai tindak balas kepada kejadian lemas yang semakin berleluasa di negara ini, program KLAS Renang tahunan ini memilih 1,600 kanak-kanak berumur antara 6 hingga 12 tahun dari pelbagai lokasi di seluruh negara untuk mengikuti kelas renang secara percuma. Inisiatif penting ini memberi tumpuan melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran menyelamatkan nyawa dan ilmu keselamatan air, sekaligus membolehkan mereka kekal selamat di dalam dan di sekitar kawasan air.

Kerwin Lim, Pengurus Pemasaran Sukan MILO, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Ilmu keselamatan air dan pencegahan kejadian lemas kini semakin penting di Malaysia, memandangkan anak-anak muda secara khususnya terdedah kepada insiden berkaitan air, termasuk bencana banjir. Program ini telah membolehkan MILO menyokong usaha memupuk budaya keselamatan kukuh yang membantu kanak-kanak yang terdedah untuk lebih bersedia menghadapi sebarang situasi di

dalam air, di samping membina hubungan yang lebih sihat dengan air. Kami berbesar hati kerana berpeluang menyokong Kementerian Belia dan Sukan, dan menerusi Program KLAS Renang, kini terdapat lebih ramai anak muda Malaysia yang semakin yakin apabila berenang. Kami bercadang untuk melaksanakan lebih banyak program seperti ini tahun depan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selamat bagi semua kanak-kanak.”

Program ini telah dilancarkan dengan kerjasama RNJ Swimming Academy, sebuah kemudahan sukan terkemuka dengan jurulatih berdaftar dan bertauliah daripada Persekutuan Renang Malaysia (MAS). Pasukan jurulatih berkelayakan memberi bimbingan dan melatih peserta di bawah modul profesional, dengan mengajar teknik berenang asas, langkah-langkah untuk diambil semasa kecemasan dan cara mengenal pasti potensi bahaya.

Puan Aida, ibu kepada Delisha yang berumur 10 tahun berkongsi pengalaman positifnya sambil berkata, “Saya melihat kemajuan besar dalam diri anak saya selepas menghadiri enam kelas berenang bersama para jurulatih. Saya teruja untuk terus menghantarnya ke lebih banyak sesi kerana saya percaya kelas tersebut akan meningkatkan kemahiran berenangnya.”

Bermula dengan membiasakan diri dengan air dan meningkatkan tahap keselesaan di dalam air, program ini juga memperkenalkan kemahiran berenang asas seperti menendang, menguak dan cara bernafas. Jurulatih memastikan setiap kanak-kanak dilatih mengikut kemampuan masing-masing. Peserta diberikan enam sesi setiap seorang, dengan sijil diedarkan kepada kesemua kanak-kanak pada akhir program.

Selain daripada program ini, MILO berhasrat membina budaya keselamatan air yang kukuh bagi rakyat Malaysia di seluruh negara. Menerusi kerjasama dengan

sekolah dan pusat komuniti tempatan, capaian program akan diperluas untuk memastikan lebih ramai kanak-kanak dapat menguasai kemahiran penting yang mampu menyelamatkan nyawa.

###

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
+6012 235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

#### **Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 426 5857 (Deepa) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)